

JOM MENGECAM ABC

Oleh

Wan Fatmawati Binti Wan Bujang
attma_2014@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan murid-murid dalam kemahiran mengecam huruf besar. Selain itu, ia juga menambahbaik amalan pembelajaran dan pengajaran saya agar lebih menarik dan berkesan. Subjek kajian saya terdiri daripada tiga orang subjek Prasekolah B Sekolah Kebangsaan Melur, Kuching. Saya menggunakan kaedah kad-kad huruf besar yang pelbagai saiz dan bentuk dalam pelaksanaan kajian ini. Saya mengumpul data melalui pemerhatian, ujian pra dan pos, senarai semak, analisis dokumen dan temubual digunakan untuk mengumpul data tentang kesan tindakan kajian yang. Cara menganalisis data pula terdiri daripada analisis kandungan dan analisis pola. Saya menggunakan triangulasi kaedah dan sumber untuk mengukuhkan dapatan kajian saya. Hasil refleksi menunjukkan bahawa subjek kajian saya menunjukkan peningkatan yang menggalakkan serta berminat untuk belajar. Maka, penggunaan kad-kad huruf berkenaan didapati dapat membantu subjek kajian mengecam huruf besar selain menambahbaik amalan saya dalam pembelajaran dan pengajaran.

Kata kunci: Kad huruf besar, mengecam huruf besar, triangulasi kaedah dan sumber, analisis kandungan dan pola, murid prasekolah

ABSTRACT

This study aimed to enhance the ability of students in identifying capital letters. It was also carried out to improve my teaching and learning to be more attractive as well as effective. My respondent comprised three students from Preschool B, Sekolah Kebangsaan Melur, Kuching. I used capital letters flash cards of different sizes and shapes in carrying out this study. Data were gathered through observation, pre and posttests, checklist, documentary analysis and interviews. Data analysis were by way of content and pattern. I triangulate my method and resources to ensure that my result were reliable. The findings by way of reflections indicated that my respondents showed improvement and were more interested in their studies. Therefore, the use of capital letters flash cards have helped my respondents to recognize capital letters as well as improve my teaching and learning practice.

Key words: Capital letters flash card, identification of capital letters, triangulation of methods and resources, content and pattern analysis, preschool children

PENGENALAN

Mengecam huruf adalah salah satu kemahiran yang penting sejak awal persekolahan lagi. Oleh sebab itu, sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan, pendedahan awal haruslah dilakukan untuk memudahkan kanak-kanak menghadapi awal persekolahan dengan selesa. Sudah menjadi kebiasaan jika di awal persekolahan sebahagian besar kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun belum mengecam huruf. Akan tetapi, jika sebahagian daripada kanak-kanak tersebut masih belum mengecam huruf walaupun pernah belajar di tadika kemas atau telah memasuki prasekolah seawal usia lima tahun, adalah menjadi kebimbangan kepada saya. Berdasarkan pengalaman menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Melur Kuching, saya mendapati tiga orang murid prasekolah mengalami kesukaran yang ketara mengecam beberapa huruf besar. Selain itu, sebutan huruf yang hampir sama menimbulkan kekeliruan. Jika murid tidak dapat membezakan bunyi sebutannya mereka akan mengalami kesukaran mengecam huruf-huruf tersebut. Dalam mengajar murid mengenai sebutan dan bentuk huruf-huruf besar, saya mendapati mereka dapat menyebut keseluruhan huruf A hingga Z secara berurutan dengan betul. Akan tetapi, bila saya menunjukkan huruf secara rawak, beberapa orang murid menyebut dengan salah. Lebih-lebih lagi jika huruf yang disebut hampir sama bentuk dan bunyi akan menyebabkan mereka keliru. Saya telah menyebut beberapa contoh sebutan huruf yang hampir sama sehingga murid dapat mengikuti dengan baik. Murid menunjukkan penglibatan aktif mereka di dalam kelas, akan tetapi sayangnya mereka tidak benar-benar mengenal perbezaan bunyi huruf-huruf tersebut. Semasa sesi soal jawab di akhir pelajaran, saya mendapati bahawa kebanyakan murid masih belum mahir mengecam beberapa huruf dan membezakan huruf-huruf yang hampir sama. Seterusnya akan saya terangkan mengenai pengalaman pembelajaran dan pengajaran lalu saya.

Refleksi Pengalaman Pembelajaran dan Pengajaran Lalu

Ketika menjalani praktikum ketiga di Sekolah Kebangsaan Melur, Kuching saya mendapati murid-murid masih belum mengecam beberapa huruf besar dengan baik. Antara huruf-huruf yang ketara sukar untuk dikecam murid ialah huruf D, E, F, G, H, M, P dan R. Semasa proses pembelajaran dan pengajaran, apabila saya bertanya beberapa orang murid huruf yang terdapat di dalam carta, mereka akan diam sahaja dan ada juga yang salah sebut. Oleh yang demikian, saya telah menjalankan ujian pra mengecam huruf terhadap semua murid Prasekolah B, bagi mengetahui tahap pengecaman mereka terhadap huruf A hingga Z. Saya telah melaksanakan ujian pra bagi mengetahui tahap perkembangan mereka dalam kemahiran mengecam huruf besar. Berdasarkan keputusan ujian pra tersebut, saya mendapati tiga orang murid yang dikenalpasti agak sederhana dalam ujian tersebut serta kelihatan tidak menumpukan perhatian semasa guru mengajar. Mereka gemar mengganggu rakan dan membuat kerja lain. Oleh sebab itu, kemungkinan ia adalah salah satu faktor yang menyebabkan mereka lambat atau tidak dapat mengecam huruf besar dengan baik. Kadang-kadang murid-murid teragak-agak untuk menjawab dan menunjukkannya kerana takut dimarahi. Pada pandangan saya, kelemahan ini harus diatasi segera sebelum menjadi lebih teruk lagi. Walau bagaimanapun, kemahiran asas ini sangat penting dalam kemahiran-kemahiran lain

seperti menulis dan membaca. Seterusnya saya akan menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai fokus kajian yang saya lakukan.


Fokus Kajian

Kemahiran mengecam huruf khususnya huruf besar merupakan kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Hasil pengecaman yang baik memerlukan penelitian dalam aspek bunyi sebutan dan bentuk huruf serta bebas daripada kekeliruan bunyi. Oleh itu, sekiranya murid tidak mengambil berat tentang aspek-aspek tersebut, maka secara langsung dapat menjejaskan pengecaman murid. Di Sekolah Kebangsaan Melur, tahap kemajuan murid-murid prasekolah bagi kemahiran mengecam huruf-huruf besar berada pada tahap yang sederhana. Perkara tersebut berlaku disebabkan oleh kelemahan dalam mengingat huruf-huruf besar. Aspek bunyi sebutan dan bentuk merupakan perkara yang penting dalam mengecam huruf. Oleh itu, murid-murid yang sudah terbiasa dengan kesalahan mengecam huruf perlu diberi penegasan.

Saya merupakan guru pelatih PISMP Prasekolah Ambilan Januari 2009 Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Kuching. Saya telah menjalani praktikum I, II dan III di sekolah yang berlainan. Pada praktikum III, saya berpeluang untuk melaksanakan kajian tindakan bagi memenuhi kehendak kursus bagi semester kelapan ini. Tinjauan awal telah saya laksanakan pada praktikum III, iaitu semasa saya mengajar huruf dalam tunjang Bahasa dan Komunikasi. Berdasarkan pemerhatian awal, saya mendapati bahawa tiga daripada 23 orang murid prasekolah B, Sekolah Kebangsaan Melur menghadapi masalah belum mengecam beberapa huruf besar dalam abjad A hingga Z. Saya telah menyemak beberapa hasil lembaran kerja murid-murid tersebut dan mendapati mereka masih belum dapat mengecam beberapa huruf besar dengan baik.


Berdasarkan Rajah 1, didapati bahawa sebelum penggunaan kad-kad huruf dalam pembelajaran dan pengajaran, ketiga-tiga orang murid ini agak sederhana dalam kemahiran mengecam huruf-huruf besar. Di sini, dapat diperhatikan bahawa di antara mereka bertiga, Mi memerlukan latihan dan bimbingan yang banyak dalam kemahiran mengecam huruf-huruf besar kerana bilangan huruf yang belum dapat dicam agak banyak berbanding Do dan Re. Saya juga mendapati mereka masih keliru yang mana satu huruf besar dan huruf kecil. Mereka hanya mewarna sesuka hati tanpa mengetahui sama ada ia betul atau pun tidak. Oleh sebab itu, saya merasakan bahawa masalah ini sangat membimbangkan kerana ia merupakan kemahiran paling asas yang perlu dipelajari oleh murid-murid prasekolah. Akan tetapi, mereka telah menunjukkan prestasi yang masih memerlukan latihan dan bimbingan yang banyak.

Semasa pemerhatian di dalam kelas, saya mendapati ketiga-tiga subjek ini mempunyai masalah yang berlainan yang merupakan salah satu punca mereka lambat mengecam beberapa huruf besar.



Rajah 1 : Contoh hasil kerja murid yang menunjukkan Do, Re, Mi belum dapat mengecam huruf besar dengan baik

Dapatan awal yang bertujuan untuk memastikan sejauhmana masalah yang dihadapi oleh murid-murid juga diperolehi berdasarkan ujian pra mengecam huruf besar. Berdasarkan Rajah 2, ketiga-tiga murid menunjukkan pencapaian yang berbeza. Do telah berjaya mengecam 20 daripada 26 huruf dengan betul. Re pula berjaya mengecam 19 daripada 26 huruf dengan betul, manakala Mi berjaya mengecam 15 daripada 26 huruf dengan betul. Berdasarkan rajah ini, saya dapat mentafsirkan bahawa ketiga-tiga murid ini masih pada tahap sederhana dalam kemahiran mengecam huruf besar dan memerlukan bimbingan serta latih tubi yang kerap. Kurangnya pendedahan serta tingkah laku negatif murid yang menjadi faktor hasil yang kurang memuaskan dalam ujian pra ini.



Rajah 2 : Markah ujian pra mengecam huruf besar

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengecam huruf besar dengan menggunakan kad-kad huruf yang pelbagai bentuk dan saiz. Selain itu, kajian ini juga bertujuan meningkatkan kemahiran mengecam huruf besar sekurang-kurangnya seorang daripada tiga orang murid yang dikaji.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut:

- Adakah penggunaan kad huruf dapat meningkatkan kemahiran mengecam huruf besar?
- Bagaimanakah kad huruf boleh membantu meningkatkan minat murid untuk belajar huruf-huruf besar?

PELAKSANAAN TINDAKAN

Dalam melaksanakan kajian ini saya telah membahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat perancangan tindakan dan peringkat tindakan yang dijalankan. Berdasarkan perancangan tindakan, saya telah melaksanakan tindakan tersebut secara langkah demi langkah. Seterusnya, saya terlebih dahulu menjelaskan perancangan tindakan yang telah saya lakukan.

Perancangan Tindakan

Setelah mengenalpasti dan mengetahui masalah yang dihadapi murid-murid dalam pembelajaran, saya telah melaksanakan tindakan yang bersesuaian dengan cara mengatasi masalah tersebut. Jadi, saya menggunakan kaedah kad-kad huruf besar sebagai intervensi untuk membantu subjek kajian mengatasi masalah belum mengecam huruf besar dengan baik. Kaedah ini dipilih kerana berdasarkan pemerhatian di dalam kelas, murid-murid kurang didedahkan dengan bahan-bahan mautud mudah seperti kad-kad imbasan. Mereka kurang diberi peluang untuk menggunakan dan meneroka sendiri bahan-bahan pembelajaran yang terdapat di dalam kelas. Oleh sebab itu, saya mengambil peluang ini untuk mendedahkan

mereka dengan bahan bantu mengajar yang mudah dan ringkas dalam pembelajaran huruf. Selain dapat mengecam huruf, minat murid untuk belajar dapat diwujudkan dan bersesuaian dengan konsep pembelajaran prasekolah belajar sambil bermain. Saya menggunakan kad-kad huruf besar yang pelbagai jenis dan bentuk bagi menarik minat murid untuk belajar seperti dalam Rajah 2. Saya memfokuskan huruf besar kerana ia merupakan langkah permulaan yang baik untuk mengenal huruf. Bersesuaian dengan kajian literatur yang saya baca, berdasarkan Teori Pembelajaran Semasa (Adams 1990) dalam Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas 2002 oleh Ai Hong Chen, Noor Suriani Mohammad, adalah lebih baik untuk memperkenalkan huruf besar terlebih dahulu berbanding huruf kecil kepada kanak-kanak, dan memperkenalkan beberapa huruf pada satu-satu masa berbanding banyak huruf bagi meningkatkan penguasaan pengetahuan mereka terhadap bunyi dan huruf.

Pendapat ini telah disokong oleh Rosner & Rosner (1990) bahawa memperkenalkan huruf-huruf manuskrip kes rendah (huruf kecil) pada tahap skala persepsi visual yang tidak sesuai di samping penggunaan 'mnemonic' yang tidak efektif serta kesalahan konsep pengecaman yang diamalkan oleh kanak-kanak tersebut ketika mempelajari huruf buat kali pertama boleh memberi kesan fenomena huruf terbalik. Oleh sebab itu, saya mengambil keputusan untuk menggunakan panduan teori ini dalam kajian saya. Rajah 3 menunjukkan contoh-contoh kad-kad huruf yang saya gunakan dalam kajian ini dalam membantu subjek kajian mengecam huruf besar.



Rajah 3 : Contoh kad-kad huruf yang saya gunakan dalam kajian

Tindakan Yang Dijalankan

Saya menjalankan tindakan ini bermula pertengahan bulan Februari 2012, semasa menjalani praktikum ketiga. Sebelum menggunakan kaedah kad-kad huruf, saya telah menjalani ujian pra mengecam huruf besar sebagai langkah awal mengesan tahap kemahiran mengecam huruf besar dalam kalangan murid-murid prasekolah. Setelah mengetahui hasilnya, saya telah meneliti punca permasalahan yang berlaku. Oleh yang demikian, saya mulakan intervensi latih tubi dan bimbingan menggunakan kad huruf selama dua bulan bermula pertengahan bulan Februari hingga pertengahan bulan April. Setiap kali sebelum pembelajaran dan pengajaran dimulakan, saya akan menunjukkan beberapa huruf pada carta dan meminta murid-murid tersebut menyebut huruf tersebut. Selain itu juga, saya akan menyebut

beberapa huruf dan meminta subjek kajian saya menunjukkan huruf tersebut. Latih tubi ini sentiasa dilaksanakan semasa hari saya mengajar dan dalam perbualan pagi sebelum pembelajaran dan pengajaran bermula, sebagai salah satu cara untuk mereka mengingati dan menghafal huruf-huruf tersebut. Saya mengajar huruf-huruf secara berperingkat seperti peringkat satu huruf A hingga G, peringkat dua huruf H hingga N, peringkat ketiga huruf O hingga U, peringkat keempat huruf V hingga Z. Walau bagaimanapun, bagi huruf-huruf yang telah dapat dicam, saya hanya akan menumpukan huruf-huruf yang belum dapat dicam oleh murid-murid tersebut. Hal ini akan memudahkan proses tindakan yang dilaksanakan.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, telah saya menggunakan metodologi kaedah secara kualitatif. Di dalam bahagian ini juga telah saya jelaskan mengenai peserta kajian, etika penyelidikan, teknik mengumpul data, analisis data dan teknik menyemak data.

Peserta Kajian

Kajian tindakan saya telah melibatkan tiga orang murid prasekolah iaitu Do, Re Mi (bukan nama sebenar) yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Melur, terdiri daripada dua orang lelaki dan seorang perempuan, masing-masing berumur 6 tahun, berbangsa Melayu, dan beragama Islam. Rasional pemilihan murid-murid ini adalah kerana masalah yang mereka hadapi adalah paling menonjol pada pemerhatian atau tinjauan awal yang telah saya buat. Berdasarkan pemerhatian saya terhadap rekod kemajuan murid, saya mendapati prestasi ketiga-tiga murid adalah pada tahap sederhana dan memerlukan latihan dan bimbingan yang kerap.

Etika Penyelidikan

Kajian yang saya laksanakan ini telah mengikuti etika penyelidikan. Saya sentiasa menitikberatkan aspek ini sebelum, semasa dan selepas kajian dijalankan. Sebelum melaksanakan kajian ini, saya terlebih dahulu meminta kebenaran daripada pihak sekolah, ibu bapa dan murid-murid itu sendiri. Hal ini bertujuan bagi menjaga hak dan kepentingan murid-murid yang dikaji daripada sebarang perkara yang tidak elok berlaku. Saya telah memaklumkan kepada ibu bapa murid yang dikaji bahawa segala maklumat yang saya perolehi akan menjadi kerahsiaan dan saya tidak akan mendedahkan sebarang maklumat berkaitan murid-murid tanpa keizinan.

Teknik Mengumpul Data

Beberapa kaedah digunakan seperti pemerhatian, ujian pra dan ujian pos, senarai semak, temubual, dan analisis dokumen untuk mendapatkan data yang diperlukan. Melalui kelima-lima kaedah ini, saya dapat mengumpul dan mendapatkan data berkaitan dengan masalah murid-murid saya. Rajah 4 menunjukkan hasil senarai semak bagi ujian pra salah seorang murid yang saya kaji iaitu Do. Berdasarkan senarai semak berkenaan, sebelum kaedah huruf digunakan saya mendapati Do belum dapat mengecam enam huruf dengan betul. Antara sebabnya ialah, dia agak keliru dengan huruf kecil dan kurang ingat huruf besar tersebut. Akan tetapi,

sesudah kaedah huruf digunakan, Do telah menunjukkan peningkatan yang sangat menggalakkan dengan mengecam kesemua huruf dengan betul.

Nama murid : Do									
Tarikh : 22 Februari 2012									
Sebelum kajian : (Tandakan /)									
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
/	/	/	/	/	X	X	X	/	/
K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T
/	/	/	X	/	X	/	X	/	/
U	V	W	X	Y	Z				
/	/	/	/	/	/				

(/) Betul dicam
(X) Salah dicam

Catatan : Do boleh mengecam lebih separuh daripada keseluruhan huruf dengan baik. Walau bagaimanapun, huruf-huruf lain yang belum dapat dicam harus diberi penekanan.

Rajah 4 : Senarai semak ujian pra Do mengecam huruf besar

Analisis Data

Saya menggunakan analisis pola dan analisis kandungan untuk menganalisis data yang diperolehi. Bagi analisis pola, saya menggunakan hasil ujian pra dan ujian pos mengecam huruf besar. Melalui ujian pra mengecam huruf besar, saya dapat mengenalpasti huruf-huruf yang dapat atau belum dicam oleh subjek kajian dengan mudah, seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Keputusan ujian pra mengecam huruf besar


Huruf-huruf yang belum dapat dicam oleh ketiga-tiga murid dalam ujian pra (22 Februari 2012)					
DO		RE		MI	
F		D		D	N
G		E		E	P
H		F		F	Q
N		G		G	R
P		H		K	Y
R		M		M	
		P			
Catatan : Do belum dapat mengecam dan mengenal 6 huruf dengan baik. Peratus markah ialah 76.9 %.		Catatan : Re belum dapat mengecam dan mengenal 7 huruf dengan baik. Peratus markah ialah 73%.		Catatan : Mi belum dapat mengecam dan mengenal 11 huruf dengan baik. Peratus markah ialah 57.6%.	

Jadual 2 menunjukkan skala pemarkahan bagi keputusan ujian pra mengecam huruf besar. Skala ini berdasarkan kepada jumlah huruf besar yang telah dicam dengan betul.

Jadual 2 : Skala pemarkahan bagi keputusan ujian pra mengecam huruf besar

Peratus	Skala pemarkahan
80 – 100%	Telah mengecam huruf dari 22 hingga 26
60 – 79 %	Telah mengecam huruf antara 17 -21
40 – 69 %	Telah mengecam huruf antara 12 - 16
20 – 49 %	Telah mengecam huruf antara 7 - 11
0 – 19 %	Telah mengecam huruf antara 1 - 6

Bagi analisis kandungan pula, saya menyemak kandungan yang terdapat pada lembaran kerja yang dibuat oleh murid. Ia bertujuan bagi menganalisis data melalui hasil kerja mereka. Sebagai contoh, pada Rajah 5 merupakan analisis kandungan pada lembaran kerja Do. Do masih belum dapat mengecam lima huruf seperti F, G, H, N, P dan R sebelum penggunaan kad-kad huruf. Terdapat huruf yang ditulis secara huruf kecil walaupun betul pada tempat kosong yang disediakan itu. Do kelihatan masih keliru antara huruf besar dan huruf kecil serta bunyi huruf yang hampir sama seperti huruf “B” dan “P”.



Rajah 5 : Analisis kandungan pada lembaran kerja Do sebelum penggunaan kaedah kad-kad huruf

Teknik Menyemak Data

Secara umumnya, dua kaedah triangulasi telah saya gunakan iaitu triangulasi kaedah dan sumber untuk menyemak data. Dalam artikel ini, saya telah menunjukkan contoh triangulasi yang telah saya gunakan pada seorang murid yang saya kaji iaitu Do.

Triangulasi Kaedah

Triangulasi kaedah terbahagi kepada dua jenis. Saya memilih triangulasi antara kaedah iaitu penggunaan kaedah pemerhatian dan temubual untuk mengumpul data daripada murid saya yang sama. Murid-murid yang saya kaji adalah tetap dan hanya melibatkan tiga orang iaitu Do, Re dan Mi. Justeru, saya hanya mengumpul data daripada mereka bertiga sahaja. Sebagai contoh, saya membuat pemerhatian dan temubual untuk mendapat maklum balas yang sah dan boleh dipercayai tentang minat murid saya terhadap kaedah kad-kad huruf dalam pembelajaran mengenal huruf-huruf besar.

Berdasarkan Rajah 6, Do telah diuji dengan mengecam huruf besar menggunakan kad-kad huruf. Pemerhatian saya, Do berjaya mengecam kesemua huruf yang saya sebut. Dia juga berjaya menyebut huruf yang saya tunjukkan dengan begitu baik sekali. Dia juga sangat berminat dan berasa seronok menggunakan kaedah kad-kad huruf ini kerana dia boleh memegang sendiri kad tersebut dan meneroka pengetahuan sendiri mengenai huruf-huruf besar.



(Temubual bersama Do)

Saya : Do, seronok tak bermain
dengan kad-kad huruf ini?

Do : **Sangat seronok** cikgu.

Saya : Kenapa kamu seronok?

Do : Sebab kad-kad ini **berwarna-**
warni dan ada **gambar**.

Rajah 6 : Pemerhatian dan temubual terhadap Do semasa menggunakan kad huruf untuk aktiviti mengecam huruf besar (29 Jun 2012)

Triangulasi Sumber

Triangulasi sumber pula melibatkan semakan latihan oleh saya dan guru pembimbing. Saya telah membuat semakan melalui semakan hasil kerja murid oleh guru pembimbing saya, iaitu Puan Ly (nama samaran) dan membandingkannya dengan semakan saya. Tujuan semakan adalah supaya lebih konsistensi dan tiada bias. Triangulasi ini dilakukan demi menyemak kesahan data saya dari segi kesan pengenalan kaedah kad-kad huruf dalam pembelajaran mengenal huruf besar.

Rajah 7 menunjukkan contoh triangulasi sumber melibatkan semakan lembaran kerja Do oleh saya dan Puan Ly. Berdasarkan semakan tersebut, saya mendapati bahawa Do belum mengecam huruf 'P' seperti yang dibulatkan oleh guru pembimbing. Namun, setelah saya memperkenalkan kaedah kad-kad huruf, Do

berjaya memperbaiki kelemahan tersebut dengan berjaya mengecam kesemua huruf dengan betul.



Semakan guru
terhadap hasil kerja
murid Do.

Semakan saya
terhadap hasil kerja
murid Do.

Rajah 7 : Triangulasi sumber – lembaran kerja DO

DAPATAN KAJIAN

Selepas menganalisis data dan menyemak data kajian yang dilaksanakan, saya telah menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai hasil dapatan yang diperolehi. Pada Rajah 8 contohnya, merupakan senarai semak ujian pos Do selepas kaedah kad-kad huruf digunakan. Ia menunjukkan bahawa Do berjaya mengecam kesemua huruf besar dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah kad-kad huruf sememangnya berkesan kepada Do.

Tarikh : 10 April 2012
Selepas kajian : (Tandakan /)

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T
/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
U	V	W	X	Y	Z				
/	/	/	/	/	/				

(/) Betul dicam
Catatan : Peningkatan yang amat memberangsangkan. Do berjaya mengecam kesemua huruf dengan betul. Latihan pengukuhan akan sentiasa diberikan bagi mengekalkan kemajuan ini.

Rajah 8 : Senarai semak ujian pos Do


REFLEKSI

Hasil dapatan yang diperolehi telah membuktikan bahawa penggunaan kaedah kad-kad huruf dapat meningkatkan kemahiran mengecam huruf besar ketiga-tiga murid yang saya kaji. Oleh itu, seterusnya saya telah menjelaskan serba sedikit refleksi dapatan, refleksi penilaian tindakan dan pembelajaran sendiri.

Refleksi Dapatan

Penggunaan kad-kad huruf dalam membantu meningkatkan penguasaan kemahiran murid dalam mengecam huruf besar sememangnya berkesan dalam kajian yang saya laksanakan. Berdasarkan pengumpulan data dan keputusan ujian, Do, Re dan Mi menunjukkan penambahbaikan yang menggalakkan dalam ujian pos. Semasa ujian pra mengecam huruf besar dilaksanakan, keputusan mereka adalah pada tahap yang sederhana. Akan tetapi, selepas pelaksanaan latihan tubi dan aktiviti pengukuhan dijalankan, Do dan Re telah menunjukkan peningkatan yang sangat mengujakan kerana peningkatannya 100%. Bagi Mi pula, terdapat juga peningkatan walaupun tidak sebanyak Do dan Re. Hal ini sekaligus menjawab persoalan kajian yang telah saya kemukakan iaitu adakah penggunaan kad huruf dapat meningkatkan kemahiran mengecam huruf besar?.

Rajah 9 menunjukkan hasil ujian pos Do, Re dan Mi selepas intervensi menggunakan kaedah kad-kad huruf. Peningkatan yang menggalakkan ini ternyata membuktikan bahawa keberkesanan kaedah saya yang sama dengan kajian lepas yang saya baca mengenai kaedah Leonard Bloomfield (Chall, J.S.1967, halaman 29) dalam Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas 2002 oleh Ai Hong Chen, Noor Suriani Mohammad yang memperkenalkan kaedah abjad sebagai langkah pertama dalam pengajaran bacaan permulaan iaitu mengenal huruf. Kanak-kanak perlu diajar mengenal simbol-simbol perkataan yang mudah dan diketahui mereka. Beliau menekankan pengajaran huruf-huruf abjad dahulu sebelum perkataan dan ayat.



Rajah 9 : Perbandingan ujian pra dan ujian pos Do, Re, dan Mi

Bagi menjawab persoalan kajian saya yang kedua iaitu bagaimanakah kad huruf boleh membantu meningkatkan minat murid untuk belajar huruf-huruf besar, berdasarkan pemerhatian saya, kaedah kad-kad huruf ini berjaya membantu murid-murid dalam meningkatkan tahap penguasaan mengecam huruf khususnya bagi huruf besar. Ini kerana, melalui aktiviti seperti mengecam huruf pada kad dapat menarik minat dan perhatian murid untuk belajar. Ia juga merupakan salah satu terapi yang melibatkan murid aktif khususnya secara kumpulan dan ini secara tidak langsung memberi semangat kepada mereka untuk terus mencuba mengecam huruf yang ditunjukkan. Melalui kaedah ini juga dapat dilihat subjek berasa seronok kerana berpeluang meneroka sendiri penggunaan kad-kad huruf yang pelbagai dalam pembelajaran mereka. Rajah 10 menunjukkan Do sangat seronok dan berminat untuk belajar huruf dengan menggunakan kad-kad huruf yang ada. Seterusnya merupakan huraian refleksi keseluruhan saya bagi tindakan yang telah dijalankan.



Rajah 10 : Do berminat untuk belajar semasa aktiviti mengecam huruf pada kad-kad huruf

Refleksi Penilaian tindakan

Berdasarkan kajian tindakan ini, saya telah didedahkan dengan pelbagai aspek yang berkaitan dengan cara melaksanakan kajian tindakan. Dalam kajian tindakan terkandung aspek tindakan yang dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah yang telah dihadapi oleh subjek kajian. Sepertimana saya sendiri, peserta kajian saya terdiri daripada tiga orang murid prasekolah. Proses pengajaran dan pembelajaran prasekolah tidak sama dengan kelas perdana. Maka, saya perlu merancang dan memilih tindakan yang bersesuaian dengan masalah dan tahap murid itu sendiri.

Berdasarkan tindakan yang saya laksanakan bagi membantu subjek dalam menguasai kemahiran mengecam huruf besar, saya merasakan tindakan saya amat bersesuaian dengan masalah tersebut. Saya telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan pengujian bagi meneliti tahap perkembangan masalah serta kemajuan yang dicapai sepanjang kajian dilaksanakan. Apa yang menjadi fokus saya ialah, kaedah yang dipilih telah digunakan sebaiknya dalam memastikan kajian berjalan seperti yang dirancang serta mendatangkan hasil yang memuaskan. Penggunaan kaedah kad-kad huruf yang saya pilih telah memberi impak yang positif kepada tahap perkembangan kemahiran mengecam huruf besar dalam kalangan murid. Seterusnya penjelasan refleksi bagi pembelajaran sendiri yang telah saya alami sendiri sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Melalui kajian tindakan ini, saya telah memahami cara mengenalpasti masalah, mengumpul data, menganalisis data menyemak data secara teliti. Saya memahami bahawa kesemua aspek-aspek tersebut amat penting dalam kajian tindakan. Bagi aspek mengenalpasti masalah, tinjauan awal telah dilakukan untuk mengetahui dan mencari masalah pembelajaran yang subjek hadapi. Bagi cara pengumpulan data pula, saya dapat belajar cara-cara yang sesuai digunakan untuk mendapatkan dan mengumpul data yang diperolehi. Ianya sangat penting bagi membantu saya melaksanakan tindakan atau aktiviti ke atas subjek kajian saya yang bermasalah tersebut. Setelah mengumpul data, saya turut didedahkan dengan cara menganalisis data yang telah dikumpul dan diperolehi. Penganalisan tersebut bertujuan bagi mengetahui tahap perkembangan masalah subjek tersebut dan langkah-langkah yang harus saya lakukan bagi menambahbaik masalah yang dihadapi. Teknik menyemak data pula memberi kesahan dan kebolehpercayaan kepada data yang dikumpul dan diinterpretasi dan seterusnya memberi keyakinan terhadap kajian yang telah dilaksanakan. Seterusnya, saya turut menjelaskan mengenai cadangan tindakan saya yang seterusnya.

Cadangan Tindakan Seterusnya

Saya berharap aspek mengecam huruf besar dalam abjad dapat diperluaskan oleh pengkaji lain. Saya juga berharap melalui kajian tindakan yang dijalankan ini dapat mengatasi masalah pembelajaran murid-murid khususnya bagi mengatasi masalah kemahiran mengecam huruf besar. Hasil kajian tindakan ini juga diharapkan dapat digunakan untuk membuat penyelidikan beberapa masalah pembelajaran yang lain dengan menggunakan pendekatan hasil dari kajian tindakan ini. Saya juga berharap kajian tindakan ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada para pengkaji bagi menjalankan kajian tindakan terhadap masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu Guru Prasekolah khususnya sewaktu proses pembelajaran dan pengajaran.

Sekiranya kaedah dan teknik yang digunakan adalah bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak dan keperluan murid, pasti masalah ini dapat diatasi dengan baik dan lebih berkesan. Hasil kajian dari penyelidikan yang dijalankan, saya mendapati terdapat perubahan yang positif dari segi amalan pengajaran saya dan amalan pembelajaran murid. Jika diberi peluang mengajar di sekolah yang sama, saya akan meneruskan kaedah saya dalam membantu murid yang kurang berjaya tadi (Mi) dan mengubahsuaikan kad-kad huruf dalam pelbagai bentuk dan corak, memperbanyakkan latihan tubi dan mencuba kaedah lain yang sesuai. Tetapi, jika saya ditempatkan ke sekolah yang lain, saya akan memperkenalkan kaedah kad-kad huruf saya dan menggunakan kaedah yang selari dengan budaya murid bagi memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran saya.

Rumusan

Secara rumusannya, pencapaian ketiga-tiga murid dalam ujian pra dan pos menunjukkan peningkatan yang boleh dibanggakan. Ini kerana sebelum penggunaan kad-kad huruf digunakan, murid-murid yang dikaji agak sederhana dalam kemahiran mengecam huruf-huruf besar. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa setelah kaedah kad-kad huruf digunakan, keyakinan diri, daya ingatan dan

kefahaman murid mengenai huruf besar dapat ditingkatkan. Dua daripada tiga murid yang dikaji telah berjaya mengecam kesemua huruf dengan baik, manakala seorang murid lagi tidak berjaya sepenuhnya tetapi menunjukkan peningkatan dan penambahbaikan yang menggalakkan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Oleh sebab itu, kajian tindakan merupakan salah satu medium yang berkesan untuk mengesan dan mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid.

RUJUKAN

- Ai Hong Chen, Noor Suriani Mohammad. (2002). Kekeliruan Mengecam Huruf B-D-P-Q Di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas* 2002. Diperoleh 12 Ogos, 2012 dari <http://www.communityhealthjournal.org/detailarticle>.
- Normaizam Hamid, A. M. (2006). Pelaksanaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Prasekolah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPSMB* , 110-120
- Oliver anak Gabriel Jangko (2005). *Ej dan ABC*. Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan 2005. KPKM MP Batu Lintang, Kuching & Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Serian, Sarawak. Ms 23 – 32.
- Siti Hajar, H. A. (1996). Permainan Bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal IPBA* , 108-119.